

Pelarian: Kehidupan sentiasa bergelut

BERITA HARIAN 23/06/2010 M/S 21

Berada jauh di negara asing dan berdepan dengan masa depan tidak menentu, pelarian di Malaysia terpaksa bergelut dengan pelbagai cabaran untuk kelangsungan hidup.

Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) Alan Vernon, memberitahu mereka ini amat rajin, buat pelbagai jenis kerja dan mengambil apa sahaja peluang yang datang.

"Mereka mahu memberi sumbangan kepada negara ini dan membantu masyarakat di sini kerana mereka mempunyai tempat untuk tinggal.

"Bagaimanapun, mereka tidak mendapat peluang itu kerana tidak boleh bekerja secara sah dan buat masa ini tidak boleh mendapat permit kerja," kata Vernon mengulas sesetengah cadangan supaya membenarkan pelarian di Malaysia bekerja, ketika ditemui di pejabatnya di bukit Petaling, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dasar yang lebih baik, jelas Vernon, ialah dengan memindahkan pelarian di negara



● Sebahagian daripada anak-anak pelarian yang menghadiri 'sekolah' atas daya usaha Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa untuk Pelarian (UNHCR) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Kuala Lumpur.

Terdapat kira-kira 19,000 pelarian kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang berdaftar dengan UNHCR. Seramai 10,600

"Anak-anak yang tidak mendapat peluang pendidikan nescaya akan bergelut dengan masa depan yang lebih sukar dan

"Mereka tidak boleh pergi ke sekolah kerajaan dan kalau pun dibenarkan di mana saya fikir sesetengahnya mungkin mahu

pelarian supaya mereka mempunyai jawatankuasa kepimpinan yang boleh menjaga kebaikan komuniti masing-masing.

"Ada kumpulan yang mudah membentuk kumpulan dan menjaga kepentingan mereka sementara yang lainnya terpaksa berhempas-pulas untuk berbuat demikian. Ada

kumpulan yang memberi ruang untuk kaum wanita menyertai kepimpinan, ada yang tidak berapa bersetuju," kata Vernon.

Beliau turut mengulas publisiti negatif mengenai pelarian yang disifatkan jumlahnya sebagai kecil.

"Kumpulan pelarian ini tidak mahu mencari susah kerana mereka tahu keadaan mereka yang serba-serbi payah dan tidak boleh mendapat bantuan kerajaan

mereka.
"Mereka juga tahu mereka hanya boleh mengadu kepada UNHCR dan pihak berkuasa Malaysia. Hidup mereka sudahlah susah dan mereka tahu risiko jika terlibat dalam kegiatan

ini ke tempat lain supaya tidak bertumpu di satu-satu tempat sahaja.

"Sebahagian besar pelarian berada di Kuala Lumpur. Kami mahu sekali memindahkan mereka dan cara terbaik ialah peluang bekerja secara sah. Mereka boleh bekerja di sektor perladangan, pengilangan dan pembinaan," katanya.

Kawalan dan peraturan yang lebih baik terhadap keadaan pelarian, katanya terutama dalam isu pengajian, akan mengelakkan berlakunya eksploitasi.

"Kita perlu bermula hari ini. Kita lihat sama ada kita boleh mencari jalan untuk menjadikan pelarian lebih berdikari dari segi pekerjaan supaya mereka tidak menjadi beban di mana ini akan hanya mencetuskan masalah sosial.

"Sekiranya ada pekerjaan, mereka tidak akan terlibat dalam kegiatan haram. Pelarian telah menjejaskan Malaysia pada masa lampau dan ia masih berlaku sehingga ke hari ini. Jumlah pelarian mungkin bertambah dan berkurangan tetapi lebih elok jika ada dasar dan sistem untuk menangani isu ini secara yang boleh dijangkakan dan menguruskannya dengan lebih teratur," kata Vernon.

daripada kanak-kanak itu dalam usia bersekolah, bagaimanapun dianggarkan kurang daripada separuh yang sepatutnya menghadiri sekolah tidak mempunyai peluang mendapat pendidikan.

"Kanak-kanak perlu diberi pendidikan, jika tidak ia akan merosakkan masa depan mereka dan boleh mencetuskan masalah sosial di kemudian hari.

"Kerajaan Malaysia telah menyatakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) boleh membantu untuk menyediakan pendidikan bagi anak-anak pelarian. Ini satu perkara yang baik," kata Vernon. Bagaimanapun, beliau memberitahu pihak NGO berkenaan menghadapi kesulitan kewangan dan sumber lain dalam menyediakan pendidikan bagi anak-anak pelarian.

Oleh yang demikian, katanya komuniti pelarian sendiri mengambil daya usaha untuk mengatur program pendidikan bagi anak-anak mereka.

"Usaha kami lebih terarah untuk anak-anak berusia bagi sekolah rendah.

akan menjadi masalah sosial.

"Jadi kami lebih suka mereka dididik supaya boleh menyumbang kepada komuniti mereka apabila pulang ke negara asal nanti. Ini juga sumbangan positif Malaysia kepada

Myanmar," jelas Vernon.

Dari segi pendidikan untuk anak-anak, UNHCR telah membuat kemajuan dengan menarik lebih ramai kanak-kanak menghadiri sekolah. Daripada

kira-kira 2,500 orang pada 2008, angka itu

kini meningkat kepada sekitar 4,700.

UNHCR juga bekerja dengan rakan kongsi NGOnya untuk melatih tenaga pendidik dan sehingga kini berjaya melatih lebih 120 guru.

Agensi PBB ini juga menyediakan buku dan alat tulis serta bekalan sekolah yang lain, di samping mendapatkan sokongan sukarelawan untuk sekolah.

"Semua ini adalah usaha untuk mewujudkan satu bentuk sistem sekolah bagi komuniti pelarian.

pergi, ramai yang lain mungkin tidak

kerana masalah bahasa serta isu anak-anak yang sudah tercicir sekian lama," jelas Vernon.

Terdapat kira-kira 60 sekolah komuniti pelarian diusahakan beberapa kumpulan pelarian, di samping yang diuruskan UNHCR dan NGO.

Majoriti sekolah ini terletak bertaburan di sekitar Kuala Lumpur, di mana terdapat komuniti pelarian.

Pelarian ini, menurut Vernon, enggan berpindah ke tempat lain kerana pelbagai halangan, termasuk masalah kewangan dan pengangkutan.

"Sekolah pun bukanlah sekolah dalam erti yang sebenarnya. Sering kali ia hanyalah ruang pengasapuri, tetapi sekurang-kurangnya ada aktiviti pembelajaran.

"Mengenai sukatan pelajaran, kita cuba menggunakan sukatan pelajaran Malaysia, tetapi mereka juga diajar pengajian kebudayaan dalam jangkauan mereka

akan pulang ke negara asal.

"Pelajar juga belajar bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan Melayu. Subjek lain yang diajar ialah Matematik, Sains, Sejarah dan Pengajian Sosial," katanya.

UNHCR mempunyai pasukan untuk memperkasa komuniti

yang bukan-bukan.

"Jadi memang tidak ramai pelarian yang membuat kesalahan dan di negara ini ramai kaum pendatang dan ini sudah pasti mengundang banyak masalah sosial," katanya.

Menurut Vernon UNHCR sentiasa berusaha untuk memastikan pelarian tidak terlibat dalam apa juga kesalahan.

Pekerja pembangunan komuniti UNHCR serta yang lain sering kali keluar untuk bercakap dengan pelarian dan menggalakkan mereka supaya mematuhi undang-undang.

"Pelarian tidak kebal undang-undang. Jika mereka melanggar undang-undang mereka boleh ditangkap dan dibicarakan seperti orang lain.

"Mempunyai kad UNHCR bukan boleh melindungi mereka. Pelarian mesti patuh kepada undang-undang dan perlu sedar kehadiran mereka di negara ini tidak boleh diambil ringan.

"Mereka seakan tetamu di negara ini dan perlu berkelakuan sebagai tetamu.

Jangan bertindak yang boleh menyebabkan rakyat Malaysia berasa dalam keadaan terancam dan tidak gembira dengan kehadiran mereka," kata Vernon. - Bernama



ALAN VERNON